



LAPORAN PERANGKAIAN SUKU TAHUNAN

SUKU TAHUN PERTAMA
(JANUARI-MAC)

2012



JABATAN PERUMAHAN NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	i
1. Pelesenan Dan Penguatkuasaan	
A. Pelesenan Perumahan Swasta	1
B. Penguatkuasaan	9
2. Pengurusan Projek Perumahan Bermasalah	
A. Pemantauan Projek Perumahan Swasta.....	12
B. Pengurusan Projek Perumahan Terbengkalai.....	15
3. Bahagian Skim Pinjaman Perumahan (SPP)	17
4. Program Perumahan Rakyat.....	21
5. Pengurusan Setinggal.....	24
6. Pengurusan Bangunan Dan Harta Bersama	25
7. Pengurusan Aduan Oleh JPN	26

PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN

A. PELESENAN PERUMAHAN SWASTA

I. PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN

PRESTASI KESELURUHAN

Pada suku pertama 2012, sejumlah 409 lesen pemajuan perumahan telah dikeluarkan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) kepada pemaju-pemaju perumahan. Ia merangkumi lesen baharu sebanyak 337 lesen (82.40%) dan pembaharuan lesen sebanyak 72 lesen (17.60%).

Pengeluaran lesen pemajuan perumahan pada suku pertama 2012 telah meningkat sebanyak 17 lesen (4.33%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya (perbandingan antara suku pertama 2011 dengan suku pertama 2012 [YoY]). Peningkatan ini dicatatkan bagi lesen baharu iaitu 25 lesen (8.01%) manakala pembaharuan lesen telah mencatatkan penurunan sebanyak 8 lesen (10.00%).

JADUAL 1 :

PRESTASI PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN PADA SUKU PERTAMA 2012

PENGELUARAN	BILANGAN		% PERUBAHAN
	Q1 2011	Q1 2012	TAHUNAN (YoY)
LESEN	392	409	4.33
BAHARU	312	337	8.01
PEMBAHARUAN	80	72	(10.00)


PRESTASI PELESENAN MENGIKUT NEGERI

Pembinaan projek perumahan bagi suku pertama 2012 adalah tertumpu di negeri Selangor, Perak dan Johor yang mempunyai populasi penduduk yang tinggi. Negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai bilangan projek perumahan berlesen yang tertinggi iaitu sebanyak 121 projek (29.58%) serta mencatatkan bilangan projek yang tertinggi dalam lesen baharu (109 projek). Ini diikuti oleh negeri Perak yang mencatatkan bilangan lesen pemaajuan perumahan sebanyak 57 projek (13.94%) yang merangkumi lesen baharu (32 projek) dan pembaharuan lesen (25 projek). Namun demikian, negeri Perlis dan Wilayah Persekutuan Putrajaya hanya mencatatkan satu projek yang memperoleh lesen baharu dan tiada projek perumahan yang mendapat pembaharuan lesen pada suku pertama 2012.

JADUAL 2 :
BILANGAN PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN MENGIKUT NEGERI PADA SUKU PERTAMA 2012

NEGERI	BAHARU	PEMBAHARUAN	JUMLAH
SELANGOR	109	12	121
PERAK	32	25	57
JOHOR	45	5	50
PAHANG	42	2	44
KEDAH	25	3	28
PULAU PINANG	17	6	23
W.P. KUALA LUMPUR	19	4	23
NEGERI SEMBILAN	15	7	22
MELAKA	13	4	17
KELANTAN	9	2	11
TERENGGANU	9	2	11
PERLIS	1	0	1
W.P. PUTRAJAYA	1	0	1
JUMLAH	337	72	409

**GRAF 1 :
BILANGAN PENGELUARAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN MENGIKUT NEGERI
PADA SUKU PERTAMA 2012**



II. PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN

PRESTASI KESELURUHAN

Pada suku pertama 2012, sejumlah 721 permit iklan dan jualan pemaju perumahan telah dikeluarkan oleh JPN yang merangkumi permit iklan dan jualan baharu sebanyak 325 permit (45.10%) dan pembaharuan permit iklan dan jualan sebanyak 396 permit (54.92%).

Pengeluaran permit iklan dan jualan pada suku pertama 2012 telah meningkat sebanyak 77 permit (11.95%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan bagi kedua-dua permit iklan dan jualan dimana kelulusan permit iklan dan jualan baharu mencatatkan peningkatan sebanyak 36 permit (12.45%) dan pembaharuan permit iklan dan jualan sebanyak 41 permit (11.54%).

JADUAL 3 :

PRESTASI PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN PADA SUKU PERTAMA 2012

PENGELUARAN	BILANGAN		% PERUBAHAN TAHUNAN (YoY)
	Q1 2011	Q1 2012	
PERMIT DAN IKLAN JUALAN	644	721	11.95
BAHARU	289	325	12.45
PEMBAHARUAN	355	396	11.54

PRESTASI PERMIT IKLAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI

Bagi suku pertama 2012, kebanyakan permit iklan dan jualan dikeluarkan kepada pemaju yang melaksanakan projek perumahan di negeri Selangor, Johor dan Perak.


Negeri Selangor mencatatkan bilangan projek perumahan yang mendapat permit iklan dan jualan tertinggi iaitu sebanyak 200 projek (27.73%) serta mencatatkan bilangan projek yang tertinggi dalam permit iklan dan jualan baharu sebanyak 96 projek serta pembaharuan permit sebanyak 104 projek. Ini diikuti oleh negeri Johor yang mencatatkan bilangan permit iklan dan jualan projek perumahan sebanyak 111 projek (15.39%) yang merangkumi permit iklan dan jualan baharu sebanyak 47 projek serta pembaharuan permit iklan dan jualan sebanyak 64 projek.

Namun begitu, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan negeri Perlis hanya mencatatkan satu projek bagi permit iklan dan jualan baharu dari Januari sehingga Mac 2012.

JADUAL 4 :
BILANGAN PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI PADA
SUKU PERTAMA 2012

NEGERI	BAHARU	PEMBAHARUAN	JUMLAH
SELANGOR	96	104	200
JOHOR	47	64	111
PERAK	39	59	98
PAHANG	42	25	67
KEDAH	29	28	57
PULAU PINANG	20	31	51
NEGERI SEMBILAN	11	31	42
W.P. KUALA LUMPUR	11	22	33
MELAKA	15	17	32
TERENGGANU	7	9	16
KELANTAN	6	3	9
W.P. PUTRAJAYA	1	2	3
PERLIS	1	1	2
JUMLAH	325	396	721

GRAF 2 :
BILANGAN PENGELUARAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN MENGIKUT NEGERI
PADA SUKU PERTAMA 2012



III. UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN

PRESTASI KESELURUHAN

Pada suku pertama 2012, sebanyak 47,609 unit rumah telah diluluskan untuk pembinaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,147 unit (4.51%) adalah rumah kos rendah, 1,938 unit (4.07%) adalah rumah kos sederhana dan 43,524 unit (91.42%) adalah rumah kos tinggi.

Bilangan unit rumah yang diluluskan telah meningkat sebanyak 14,607 unit (44.26%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini berlaku dalam kesemua kategori harga rumah dimana kos rendah mencatatkan peningkatan sebanyak 1,693 unit (372.90%), kos sederhana meningkat sebanyak 275 unit (16.53%) dan kos tinggi meningkat sebanyak 12,639 unit (40.92%).

JADUAL 5 :

PRESTASI UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN PEMBINAAN PADA SUKU PERTAMA 2012

KATEGORI HARGA RUMAH	BILANGAN UNIT		% PERUBAHAN
	Q1 2011	Q1 2012	TAHUNAN (YoY)
SEMUA KATEGORI	33,002	47,609	44.26
KOS RENDAH	454	2147	372.9
KOS SEDERHANA	1,663	1,938	16.53
KOS TINGGI	30,885	43,524	40.92

Daripada jumlah unit rumah yang diluluskan pada suku pertama 2012, negeri Selangor mencatatkan bilangan unit rumah yang diluluskan paling tinggi iaitu sebanyak 23,913 unit (50.22%). Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 4,650 unit (9.76%) manakala kelulusan unit rumah di Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah paling rendah iaitu sebanyak 127 unit (0.26%).

PRESTASI UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN MENGIKUT KATEGORI HARGA DAN NEGERI

Bagi rumah kos rendah, negeri Selangor merupakan penyumbang utama kepada bilangan unit rumah kos rendah yang diluluskan iaitu sebanyak 1,293 unit (60.22%). Ini diikuti oleh negeri Pulau Pinang sebanyak 650 unit (30.27%).

Walau bagaimanapun, tiada unit rumah kos rendah yang diluluskan untuk pembinaan di negeri Melaka, Perak, Kelantan, Terengganu, Perlis, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Bagi rumah kos sederhana, negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai bilangan kelulusan unit rumah tertinggi iaitu sebanyak 1,020 unit (52.63%). Ini diikuti oleh negeri Pahang sebanyak 703 unit (32.67%). Selain itu, tiada unit rumah kos sederhana diluluskan di negeri Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Perlis, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Semua pemaju perumahan berlesen di Semenanjung Malaysia memperolehi kelulusan pembinaan rumah kos tinggi pada suku pertama 2012. Negeri Selangor mencatatkan kelulusan tertinggi bagi pembinaan rumah kos tinggi dengan unit rumah sebanyak 21,600 unit (49.62%). Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 5,960 unit (13.65%) manakala negeri Perlis hanya mencatatkan 18 unit rumah diluluskan pada suku pertama 2012.

**JADUAL 6 :
BILANGAN UNIT RUMAH YANG DILULUSKAN MENGIKUT KATEGORI HARGA DAN NEGERI PADA SUKU
PERTAMA 2012**

NEGERI	KOS RENDAH	KOS SEDERHANA	KOS TINGGI	SEMUA JENIS
SELANGOR	1,293	1,020	21,600	23,913
JOHOR	44	101	4,505	4,650
PERAK	0	0	1,385	1,385
PULAU PINANG	650	34	2,647	3,331
PAHANG	16	703	2,295	3,014
KEDAH	122	37	1,175	1,334
MELAKA	0	0	1,413	1,413
NEGERI SEMBILAN	22	0	1,520	1,542
WPKL	0	0	5,960	5,960
KELANTAN	0	23	369	392
TERENGGANU	0	20	510	530
PERLIS	0	0	18	18
WPP	0	0	127	127
JUMLAH	2,147	1,938	43,524	47,609

B. PENGUATKUASAAN

I. KOMPAUN

PRESTASI KESELURUHAN

Bagi suku pertama 2012, sebanyak 418 notis kompaun yang melibatkan 381 pemaju telah dikeluarkan oleh JPN bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.

Jumlah kompaun pada suku pertama 2012 mencatatkan penurunan sebanyak 185 notis (30.67%) berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Bilangan pemaju yang dikenakan kompaun dan jumlah kutipan kompaun turut menurun iaitu sebanyak 215 pemaju (36.07%) dan RM 177,400 (13.38%).

JADUAL 7 :

STATISTIK KOMPAUN PADA SUKU PERTAMA 2012

PERKARA	JUMLAH		% PERUBAHAN TAHUNAN (YoY)
	Q1 2011	Q1 2012	
NOTIS KOMPAUN	603	418	(30.67)
PEMAJU DIKOMPAUN	596	381	(36.07)
KUTIPAN KOMPAUN	RM 1,324,900.00	RM 1,147,500.00	(13.38)

JADUAL 8 :

STATISTIK KOMPAUN MENGIKUT JENIS KESALAHAN BAGI SUKU PERTAMA 2012


BULAN	KESALAHAN		BILANGAN PEMAJU DIKOMPAN	JUMLAH KUTIPAN (RM)
	AKTA	PERATURAN		
Januari	164	1	145	405,250.00
Februari	146	7	151	258,750.00
Mac	100	0	85	483,500.00
JUMLAH	410	8	381	1,147,500.00

PRESTASI KOMPAUN MENGIKUT JENIS KESALAHAN

Kegagalan mengemukakan Laporan Kemajuan Projek [Seksyen 7 (f)] merupakan kesalahan tertinggi dikenakan kompaun iaitu sebanyak 263 notis (62.92%). Ini diikuti kegagalan mengemukakan Laporan Audit [Seksyen 7 (e)] sebanyak 147 notis (35.17%) dan Kesalahan Iklan dan Penjualan [Peraturan 6 (1)] sebanyak 8 notis (1.91%).

GRAF 3 :

JENIS KESALAHAN YANG DIKENAKAN KOMPAUN PADA SUKU PERTAMA 2012



II. PENDAKWAAN

PRESTASI KESELURUHAN

Bagi suku pertama 2012, sebanyak 150 kes baharu yang melanggar peruntukan di bawah Akta 118 dan Peraturan-Peraturan berkaitan telah didaftarkan di mahkamah untuk didakwa. Sebanyak 285 kes telah diselesaikan dan baki 488 kes masih dalam proses di mahkamah.

JADUAL 10 :

STATISTIK PENDAKWAAN BAGI SUKU PERTAMA 2012

JUMLAH KES SEHINGGA TAHUN 2011	KES BAHARU	BIL. KES SELESAI	BAKI KES BELUM SELESAI
623	150	285	488

III. SENARAI HITAM

Sehingga suku pertama 2012, sebanyak 1,374 orang pemaju serta 4,726 orang Ahli Lembaga Pengarah telah disenarai hitamkan.

PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN BERMASALAH

A. PEMANTAUAN PROJEK PERUMAHAN SWASTA

I. PROJEK LANCAR

Bagi suku pertama 2012, terdapat 3,173 projek berjalan lancar di Semenanjung Malaysia melibatkan 414,605 unit rumah dan 227,245 pembeli.

Daripada jumlah tersebut, negeri Selangor mempunyai bilangan Projek Lancar yang paling tinggi iaitu sebanyak 27.92% ataupun 886 projek yang melibatkan 139,572 unit rumah dan 75,126 pembeli. Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 15.72% ataupun 499 projek yang melibatkan 79,457 unit rumah dan 43,425 orang pembeli.

JADUAL 10 :

STATISTIK PROJEK LANCAR MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 31 MAC 2012

NEGERI	BILANGAN PROJEK	BILANGAN UNIT RUMAH	BILANGAN PEMBELI
SELANGOR	886	139,572	75,126
JOHOR	499	79,457	43,425
PERAK	488	71,060	43,586
KEDAH	258	18,911	6,575
PULAU PINANG	251	22,121	10,094
NEGERI SEMBILAN	200	24,024	12,080
PAHANG	199	5,672	4,176
W. P. KUALA LUMPUR	133	34,731	22,465
KELANTAN	86	5,785	3,501
MELAKA	84	9,130	4,728
TERENGGANU	62	2,882	1,123
PERLIS	27	1,260	366
JUMLAH	3,173	414,605	227,245

II. PROJEK LEWAT

Sehingga suku pertama 2012, bilangan Projek Lewat adalah sebanyak 54 projek yang melibatkan sebanyak 5,636 unit rumah dan 4,104 pembeli.

Bilangan Projek Lewat yang tertinggi dicatatkan di negeri Selangor iaitu sebanyak 26 projek (48.14%) dan diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 6 projek (11.11%). Selain itu, tiada Projek Lewat dilaporkan di negeri Kedah, Perak dan Perlis.

JADUAL 11 :

STATISTIK PROJEK LEWAT MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 31 MAC 2012

NEGERI	BILANGAN PROJEK	BILANGAN UNIT RUMAH	BILANGAN PEMBELI
SELANGOR	26	2,692	1,758
W.P. KUALA LUMPUR	6	1,396	1,211
JOHOR	5	296	251
NEGERI SEMBILAN	4	125	60
PAHANG	4	81	66
MELAKA	3	388	228
PULAU PINANG	3	367	251
TERENGGANU	2	22	22
KELANTAN	1	269	257
KEDAH	0	0	0
PERAK	0	0	0
PERLIS	0	0	0
JUMLAH	54	5,636	4,104

III. PROJEK SAKIT

Sehingga suku pertama 2012, bilangan Projek Sakit adalah sebanyak 223 projek yang melibatkan sebanyak 32,774 unit rumah dan 23,426 pembeli.

Bilangan Projek Sakit yang tertinggi dicatatkan di negeri Selangor iaitu sebanyak 84 projek (37.66%) dan diikuti oleh negeri Johor dan negeri Kelantan yang sama-sama mencatatkan 23 projek (10.31%).

JADUAL 13 :

STATISTIK PROJEK SAKIT MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 31 MAC 2012

NEGERI	BIL. PROJEK	UNIT RUMAH	BIL. PEMBELI
SELANGOR	84	16,198	12,344
JOHOR	23	3,687	2,612
KELANTAN	23	1,609	1,209
PAHANG	20	2,375	1,587
TERENGGANU	17	1,291	1,019
KEDAH	12	1,671	997
W.P. KUALA LUMPUR	11	2,383	1,666
NEGERI SEMBILAN	10	928	513
PULAU PINANG	9	1,233	658
PERAK	8	945	490
MELAKA	5	425	302
PERLIS	1	29	29
JUMLAH	223	32,774	23,426

B. PENGURUSAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

I. STATUS PROJEK TERBENGKALAI


Sehingga 31 Mac 2012, terdapat 94 projek perumahan terbengkalai yang melibatkan 40,643 unit rumah dan 27,873 pembeli. Daripada 94 projek tersebut, sebanyak 17 projek (18.10%) telah dikeluarkan daripada senarai terbengkalai selepas berjaya dipulihkan atau diselesaikan. Di samping itu, sebanyak 51 projek (50.45%) sedang dalam proses pemulihan dan sebanyak 26 projek (27.65%) sedang di peringkat awal perancangan pemulihan.

Bagi perbandingan suku tahunan, jumlah projek perumahan terbengkalai telah menurun sebanyak 22 projek (18.96%). Dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh JPN, terdapat 17 projek terbengkalai telah diselesaikan dalam tempoh suku pertama 2012. Namun demikian, terdapat 10 buah projek baru yang diisytiharkan terbengkalai bagi suku pertama 2012.

JADUAL 14 :
RINGKASAN STATUS KESELURUHAN PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI
DI SEMENANJUNG MALAYSIA SEHINGGA 31 MAC 2012

BIL	STATUS	SEHINGGA 31 MAC 2012
1	Perancangan Awal	26 (27.65%)
2	Sedang Dipulihkan	51 (54.25%)
3	Siap Diduduki / Selesai	17 (18.10%)
JUMLAH		94

GRAF 4 :
STATUS PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI PADA SUKU PERTAMA 2012



PROJEK TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI

Negeri Selangor mencatatkan bilangan projek perumahan terbengkalai paling tinggi iaitu sebanyak 31 projek (20,630 unit rumah dan 15,583 pembeli) dan diikuti oleh negeri Johor iaitu sebanyak 19 projek (6,963 unit rumah dan 4,488 pembeli). Selain itu, negeri yang tidak mencatatkan sebarang projek perumahan terbengkalai adalah negeri Perlis dan Terengganu.

JADUAL 15 :

STATISTIK PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 31 MAC 2012

NEGERI	BIL. PROJEK	BIL. UNIT RUMAH	BIL. PEMBELI
SELANGOR	31	20,630	15,583
JOHOR	19	6,963	4,488
NEGERI SEMBILAN	12	2,192	1,623
KEDAH	7	1,394	696
PULAU PINANG	6	2,895	2,144
PERAK	5	823	365
PAHANG	4	1,351	880
W.P. KUALA LUMPUR	4	1,442	914
KELANTAN	4	2,239	518
MELAKA	2	714	662
TERENGGANU	0	0	0
PERLIS	0	0	0
JUMLAH	94	40,643	27,873

BAHAGIAN SKIM PINJAMAN PERUMAHAN (SPP)

I. SKIM PINJAMAN PERUMAHAN

PERMOHONAN

Pada suku pertama 2012, sebanyak 8 permohonan Skim Pinjaman Perumahan (SPP) telah diterima dan sebanyak 5 permohonan pinjaman SPP telah diluluskan. Ia merangkumi permohonan yang diterima dan diproses pada bulan Disember 2011. Bagi perbandingan dengan suku tahun yang sama tahun sebelumnya, jumlah permohonan mencatatkan penurunan sebanyak 23 permohonan (74.19%). Kelulusan pinjaman SPP juga mencatatkan penurunan iaitu sebanyak 13 permohonan (72.22%) berbanding dengan suku pertama 2011.

**JADUAL 16 :
STATISTIK PERMOHONAN PADA SUKU PERTAMA 2012**

JENIS	BILANGAN		% PERUBAHAN TAHUNAN (YoY)
	Q1 2011	Q1 2012	
PERMOHONAN	31	8	(74.19)
KELULUSAN	18	5	(72.22)

**JADUAL 17 :
STATISTIK PERMOHONAN SPP BAGI SUKU PERTAMA 2012**

BIL. PERMOHONAN	BIL. KELULUSAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)
8	5	125,165.20

KUTIPAN BAYARAN BALIK

Dari segi pengutipan bayaran balik pinjaman SPP, sejumlah RM 1,294,014.34 telah diterima daripada 2,349 peminjam pada suku pertama 2012. Jumlah kutipan balik telah mencatatkan penurunan sebanyak 8.22% berbanding dengan suku tahun yang sama pada tahun 2011.

JADUAL 19 :
KUTIPAN BAYARAN BALIK PINJAMAN SPP BAGI SUKU PERTAMA TAHUN 2011 DAN 2012

BULAN	TAHUN 2011 (RM)	TAHUN 2012 (RM)
JANUARI	322,841.44	282,002.21
FEBRUARI	298,543.76	678,888.88
MAC	788,602.32	333,123.25
JUMLAH	1,409,987.52	1,294,014.34

TUNGGAKAN BAYARAN

Jumlah tunggakan bayaran menurun sebanyak RM 1,832,925.44 (23.27%) daripada RM 7,874,445.84 kepada RM 6,041,520.40 berbanding suku tahun yang sama tahun 2011.


JADUAL 20 :
PERBANDINGAN TUNGGAKAN SPP BAGI SUKU PERTAMA TAHUN 2011 DAN 2012

NEGERI	31 MAC 2011 (RM)	31 MAC 2012 (RM)
KELANTAN	3,043,077.96	2,347,195.65
KEDAH	2,314,733.52	1,963,901.80
PERAK	1,388,076.72	1,017,830.52
TERENGGANU	357,187.29	236,883.38
JOHOR	352,055.67	196,700.93
PAHANG	205,583.10	154,402.21
NEGERI SEMBILAN	69,423.59	42,438.80
SELANGOR	54,340.63	30,770.65
MELAKA	39,017.89	20,840.12
PERLIS	38,872.82	29,634.01
W.P. KUALA LUMPUR	9,586.05	922.33
PULAU PINANG	2,490.60	0.00
JUMLAH	7,874,445.84	6,041,520.40

JADUAL 21 :
TUNGGAKAN SPP MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 31 MAC 2012

NEGERI	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	BILANGAN PEMINJAM
KELANTAN	2,347,195.65	774
KEDAH	1,963,901.80	568
PERAK	1,017,830.52	295
TERENGGANU	236,883.38	58
JOHOR	196,700.93	90
PAHANG	154,402.21	58
NEGERI SEMBILAN	42,438.80	13
SELANGOR	30,770.65	9
MELAKA	20,840.12	9
PERLIS	29,634.01	11
W.P. KUALA LUMPUR	922.33	1
JUMLAH	6,041,520.40	1,886

GRAF 5 :
TUNGGAKAN BAYARAN SPP MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 31 MAC 2012



RUMAH YANG SIAP DIBINA

Pada suku pertama 2012, sebanyak 15 unit rumah telah siap dibina oleh peminjam SPP. Sehingga 31 Mac 2012, bilangan unit rumah yang dibina oleh peminjam SPP adalah sebanyak 7,877 unit. Daripada jumlah tersebut, 6,423 unit (81.54%) rumah peminjam telah siap dibina manakala bakinya 1,454 unit(18.46%) masih dalam peringkat pembinaan.

JADUAL 22 :

STATUS PEMBINAAN RUMAH DIBAWAH SPP MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 31 MAC 2012

NEGERI	BILANGAN PEMOHONAN DILULUSKAN	UNIT SIAP DIBINA	UNIT DALAM PEMBINAAN
KELANTAN	3,336	2,395	941
PERAK	1,091	986	105
KEDAH	1,601	1,469	132
TERENGGANU	616	514	102
PAHANG	327	268	59
SELANGOR	321	289	32
JOHOR	314	253	61
PERLIS	96	89	7
MELAKA	79	67	12
NEGERI SEMBILAN	78	76	2
W.P. KUALA LUMPUR	13	12	1
PULAU PINANG	5	5	0
JUMLAH	7,877	6,423	1,454

PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT(PPR)

I. PRESTASI KESELURUHAN

Sehingga 31 Mac 2012, JPN telah melaksanakan 119 projek PPR (84,114 unit) yang meliputi 88 projek (76,142 unit) PPR Disewa dan 31 projek (7,972 unit) PPR Dimiliki.

Bagi PPR Disewa, sebanyak 64 projek yang mengandungi 62,716 unit telah siap dibina, manakala 23 projek (13,139 unit) sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan. Bagi PPR Dimiliki pula, sebanyak 23 projek (3,109 unit) telah pun siap dengan kelulusan Sijil Layak Menduduki (CFO), manakala 7 projek (3,663 unit) sedang dalam peringkat pembinaan.

**JADUAL 24 :
STATUS PELAKSANAAN PPR KESELURUHAN SEHINGGA 31 MAC 2012**

PROGRAM	JUMLAH PROJEK DALAM PERANCANGAN		JUMLAH PROJEK DALAM PEMBINAAN		JUMLAH PROJEK SIAP		JUMLAH PROJEK	
	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit	Projek	Unit
PPR Disewa	1	233	23	13,193	64	62,716	88	76,142
PPR Dimiliki	1	1,200	7	3,663	23	3,109	31	7,972
JUMLAH	2	1,433	30	16,856	87	65,825	119	84,114

II. STATUS PENGISIAN PPR DISEWA

Bagi PPR Disewa, sebanyak 57,344 unit telah siap dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk pengisian sehingga 31 Mac 2012. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 53,532 unit (93.35%) telah disewakan berbanding 53,119 unit pada 31 Disember 2011 iaitu dengan peningkatan sebanyak 413 unit (0.77%). Baki unit yang belum disewakan adalah sebanyak 3,812 unit (6.65%). Secara keseluruhan, di antara negeri yang mempunyai banyak kekosongan unit adalah negeri Johor 1,304 unit (34.20%), negeri Sabah 717 unit (18.81%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 593 unit (15.55%).

JADUAL 26 :

STATUS PENGISIAN PPR DISEWA MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 31 MAC 2012

NEGERI	BILANGAN (UNIT)	JUMLAH DIISI (UNIT)	BELUM DIISI (UNIT)
W.P. KUALA LUMPUR	28,970	28,377	593
SABAH	11,531	10,814	717
JOHOR	7,108	5,804	1,304
SELANGOR	3,304	2,756	548
KEDAH	1,894	1,844	50
SARAWAK	1,516	1,019	497
PERLIS	1,228	1,180	48
PULAU PINANG	698	695	3
PERAK	675	631	44
NEGERI SEMBILAN	420	412	8
JUMLAH	57,344	53,532	3,812

IV. STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI

Sehingga 31 Mac 2012, sebanyak 3,062 unit telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk dijual. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,643 unit (96.17%) telah dijual dan diserahkan kunci kepada pembeli, sementara baki sebanyak 310 unit adalah masih dalam proses penjualan dan 109 unit masih belum dijual.

JADUAL 27 :
STATUS PENJUALAN PPR DIMILIKI SEHINGGA 31 MAC 2012

BIL.	PROJEK PPR (M)	UNIT	BIL. UNIT DIJUAL / SELESAI	DALAM PROSES PINJAMAN	BIL. UNIT BELUM DIJUAL
	Daerah Rompin				
1	Muadzam Shah	150	147	1	2
2	Parit Raja	150	144	6	0
3	Leban Chondong	100	3	49	48
	Daerah Lipis				
4	Kerambit	100	86	14	0
5	Padang Tengku	100	97	3	0
	Daerah Maran				
6	Jengka	300	299	1	0
	Daerah Bera				
7	Bukit Mendi	150	142	8	0
	Daerah Raub				
8	Batu 17, Tersang	150	126	24	0
9	Tanjung Putus	100	95	5	0
	Daerah Temerloh				
10	Bolok Hilir	150	125	12	13
11	Pamah Kaseh	150	117	21	12
12	Paya Sok	100	12	54	34
	Daerah Pekan				
13	Tg. Agas	150	126	24	0
14	Paloh Hinai	150	149	1	0
15	Kuala Pahang	318	317	1	0
16	Kuala Pahang Fasa II	32	12	20	0
17	Tg. Selangor Fasa I	100	100	0	0
18	Tg. Selangor Fasa II	62	60	2	0
19	Tg .Batu	150	125	25	0
	Daerah Kuantan				
20	Kg. Hijrah	150	129	21	0
21	Kg. Baru Gambang	150	147	3	0
	Daerah Jerantut				
22	Ibol Tunggal	100	85	15	0
JUMLAH KESELURUHAN		3,062	2,643	310	109

PENGURUSAN SETINGGAN

Sehingga 31 Mac 2012, bilangan keluarga setinggal yang masih belum diselesaikan adalah sebanyak 79,708 keluarga. Berbanding dengan 31 Disember 2011, bilangan keluarga setinggal telah menurun sebanyak 472 keluarga (0.58%).

Negeri Sabah merupakan negeri yang mempunyai paling ramai setinggal iaitu 37,746 keluarga (47.35%). Ini diikuti oleh negeri Johor sebanyak 10,833 keluarga (13.59%), manakala negeri Melaka hanya mempunyai 29 keluarga setinggal (0.03%) dan merupakan negeri yang mempunyai bilangan keluarga setinggal yang paling rendah.

JADUAL 29 :
STATISTIK SETINGGAN SEHINGGA 31 MAC 2012

NEGERI	BIL. KELUARGA	BIL. AHLI KELUARGA	BIL. BANGUNAN
SABAH	37,746	142,187	25,328
JOHOR	10,833	6,541	10,830
SARAWAK	8,436	35,233	7,784
PERAK	4,058	16,232	4,058
PULAU PINANG	3,430	15,491	2,067
W.P. LABUAN	3,225	16,125	3,225
KEDAH	3,015	15,070	3,015
SELANGOR	2,542	3,299	3,299
PERLIS	1,832	8,670	1,832
KELANTAN	1,431	5,828	1,392
PAHANG	1,133	4,411	934
W.P. LABUAN	970	5,521	970
TERENGGANU	682	2,206	613
NEGERI SEMBILAN	346	585	239
MELAKA	29	99	29
JUMLAH	79,708	277,498	65,615

PENGURUSAN BANGUNAN DAN HARTA BERSAMA

Sehingga 31 Disember 2011, bilangan kawasan pemajuan iaitu tanah hak milik muktamad yang dicadangkan untuk pecah bahagi kepada unit dibina atau sedang dalam pembinaan adalah sebanyak 14,946.

Sejumlah 3,774 aduan telah diterima oleh unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi seluruh Semenanjung Malaysia bagi suku pertama 2012. Daripada jumlah aduan yang diterima, aduan mengenai Khidmat Nasihat merupakan yang utama yang diterima iaitu sebanyak 904 aduan (23.95%), diikuti oleh aduan berkaitan Penyenggaraan dan Kerosakan yang mencatatkan jumlah aduan sebanyak 688 aduan (18.22%). Bilangan aduan mengenai Penguatkuasaan COB merupakan aduan yang terendah diterima iaitu 194 aduan (5.14%).

Negeri Selangor mencatatkan bilangan aduan tertinggi iaitu sebanyak 1,190 aduan (31.53%) dan diikuti oleh negeri Pulau Pinang sebanyak 807 aduan (21.38%) dan negeri Johor sebanyak 654 aduan (17.33%).

JADUAL 29 :

STATISTIK ADUAN YANG DITERIMA OLEH COB DI PBT MENGIKUT NEGERI DAN JENIS BAGI SUKU PERTAMA 2012

NEGERI	JENIS ADUAN							JUMLAH ADUAN
	Khidmat Nasihat	Penyenggaraan dan Kerosakan	Pentadbiran dan Pengurusan	Mesyuarat dan Pemilihan	Isu Kewangan	Penguatkuasaan COB	Lain - Lain	
SELANGOR	354	306	178	124	93	33	102	1,190
PULAU PINANG	199	143	188	132	115	16	14	807
JOHOR	165	142	130	70	131	6	10	654
W. PERSEKUTUAN	21	48	77	178	57	22	211	614
MELAKA	24	8	12	7	4	116	6	177
PAHANG	67	17	17	22	20	1	0	144
PERAK	29	8	9	2	4	0	1	53
NEGERI SEMBILAN	28	16	35	3	19	0	2	103
KEDAH	12	0	2	2	0	0	2	18
TERENGGANU	4	0	1	4	2	0	0	11
KELANTAN	1	0	0	1	1	0	0	3
PERLIS	0	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	904	688	649	545	446	194	348	3,774

PENGURUSAN ADUAN OLEH JPN

Sehingga 31 Mac 2012, sebanyak 226 aduan berkaitan perumahan telah diterima oleh JPN dari pelbagai sumber. Sebanyak 181 aduan (80.10%) telah diselesaikan dan bakinya masih dalam tindakan. Kebanyakan aduan yang masih dalam tindakan adalah aduan dalam kategori teknikal dan rumit untuk diselesaikan.

Saluran aduan yang paling banyak digunakan oleh pengadu adalah melalui laman web iaitu sebanyak 106 aduan (46.90%). Ini diikuti melalui borang di kaunter aduan Jabatan sebanyak 66 aduan (29.20%).

**JADUAL 31 :
BILANGAN ADUAN DITERIMA DAN DISELESAIKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA
BAGI SUKU PERTAMA 2012**

TERIMA	SELESAI	DALAM TINDAKAN
226	181	45

**GRAF 6 :
SUMBER ADUAN DARI JANUARI HINGGA 31 MAC 2012**

